



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN  
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
Aras 4, Blok E2, Kompleks E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel : 03-8884 9000  
Faks : 03-8884 9315  
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld.3 (58)

Tarikh: 05 April 2017

**Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 6 TAHUN 2017**

**KEMASUKAN MURID KE TINGKATAN ENAM TAHUN 2017**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan syarat-syarat kemasukan ke Tingkatan Enam tahun 2017.

2. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa syarat-syarat kemasukan ke Tingkatan Enam tahun 2017 adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A** dan **A1**. Untuk makluman YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan, tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam tahun 2017 adalah secara dalam talian (*online*).

3. Kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/ bahagian yang berkaitan dimohon untuk menguruskan penempatan calon ke Tingkatan Enam di negeri masing-masing berdasarkan panduan seperti di **Lampiran B**.

4. Untuk tujuan penyelarasan antara negeri, KPM telah menetapkan tarikh mula hari persekolahan Tingkatan Enam ambilan tahun 2017 adalah pada **2 Mei 2017 (Selasa)**.

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama JPN/ bahagian yang berkaitan dimohon untuk menguruskan perkara seperti yang berikut:

**5.1 Permohonan Rayuan Daripada Calon Sekolah Kerajaan**

- a. Kes rayuan calon tercicir yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A** dan **A1** perlu **diluluskan dan ditempatkan** dengan **SEGERA**;
- b. Kes rayuan yang tidak memenuhi syarat kemasukan ke Tingkatan Enam, boleh dipertimbangkan berdasarkan pencapaian penglibatan calon dalam kegiatan kokurikulum. Permohonan hendaklah dibuat melalui Borang Rayuan Kemasukan ke Tingkatan Enam Bagi Calon Sekolah Kerajaan Berdasarkan Pencapaian Kokurikulum (**T6BKK**). Hanya kes-kes seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran C** sahaja yang layak dipertimbangkan.

**5.2 Permohonan Daripada Calon Persendirian/ Sekolah Swasta/ Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN)**

Permohonan untuk kategori ini hendaklah menggunakan Borang Permohonan Kemasukan Tingkatan Enam Bagi Calon Persendirian, Sekolah Swasta dan Sekolah Menengah Agama Negeri (**T6BCP**). Setiap permohonan yang diterima hendaklah diberikan pertimbangan **SEGERA** mengikut garis panduan dalam **Lampiran D** dan **Lampiran E**. Penempatan bagi calon yang berjaya akan dibuat pada **19 Jun 2017 (Isnin)**.

**5.3 Permohonan Pertukaran Sekolah**

- a. Permohonan Pertukaran Sekolah **Dalam Negeri** - mengikut tatacara sedia ada dan diputuskan oleh JPN berkenaan.
- b. Permohonan Pertukaran Sekolah **Antara Negeri** - pemohon perlu mengisi borang **P.U.(A)275 JADUAL KETIGA** dan mengemukakan dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan kepada JPN atau pejabat pendidikan daerah (PPD) yang dimohon:

- i. Salinan surat tawaran ke Tingkatan Enam tahun 2017;
- ii. Salinan keputusan SPM 2016; dan
- iii. Salinan kad pengenalan.

#### **5.4 Permohonan Pertukaran Jurusan**

Permohonan pertukaran dari jurusan Sains ke jurusan Sains Sosial atau sebaliknya hendaklah dikemukakan melalui Pengetua kepada JPN berkenaan. Permohonan pertukaran jurusan boleh dibuat mulai **15 Mei hingga 26 Mei 2017**. Kelulusan permohonan boleh dipertimbangkan atas syarat seperti yang berikut:

- a. Memenuhi syarat seperti di **Lampiran A**;
- b. Mendapatkan ulasan kaunselor sekolah berdasarkan Inventori Minat Kerjaya yang telah diisi oleh calon; dan
- c. Mendapat sokongan pengetua.

Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan pertukaran jurusan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat. Keputusan rayuan akan dimaklumkan melalui pengetua sekolah pemohon.

#### **5.5 Tiada Pengulangan Pengajian Tingkatan Enam Bagi Calon Sekolah Kerajaan**

Mulai tahun 2014, calon Tingkatan Enam di sekolah kerajaan tidak dibenar mengulangi pengajian kerana telah diberi peluang untuk memperbaiki keputusan dengan mengambil peperiksaan ulangan.

#### **5.6 Rayuan Kemasukan bagi Calon SPM Bahasa Melayu (Kertas Julai-Ulangan 2016) ke Tingkatan Enam Tahun 2017**

Calon yang tidak terpilih masuk ke Tingkatan Enam Tahun 2016 disebabkan gagal memperoleh gred kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu SPM 2015, boleh membuat rayuan permohonan ke Tingkatan 6 tahun 2017 jika mendapat kepujian mata pelajaran Bahasa


Melayu dalam SPM ulangan 2016. Calon dikehendaki mengisi Borang Rayuan Umum Kemasukan ke Tingkatan Enam bagi Calon Sekolah (T6BRU) untuk masuk ke Tingkatan Enam tahun 2017. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di **Lampiran F.**

6. Kerjasama YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan pengetua yang berkenaan di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**DATO' HAJI AHMAD TAJUDIN BIN JAB**  
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Operasi Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia
9. Ketua Nazir  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
10. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia